

# **KAEDAH MESRA WARNA (DI KALANGAN MURID TINGKATAN LIMA)**

Hajjah Hasan\*  
Panitia Pendidikan Seni Visual

## **ABSTRAK**

Kaedah 'Mesra Warna' merupakan satu kaedah yang dicipta untuk memudahkan pelajar mengingat konsep dan istilah warna. Dalam tinjauan awal, saya mendapati bahawa kegagalan murid menjawab soalan teori berkaitan warna dan peratus murid yang mendapat markah cemerlang dalam menggambar sangat rendah kerana mereka gagal menguasai konsep warna dan tidak tahu atau tidak mahir mencampur warna. Kumpulan sasaran saya ialah 34 orang murid dari Tingkatan 5 Geografi yang mengambil subjek Pendidikan Seni Visual sebagai elektif. Saya memfokuskan kajian saya terhadap masalah mengingat di kalangan murid berkaitan warna. Dapatan kajian menunjukkan para pelajar menunjukkan peningkatan yang ketara melalui perbandingan antara ujian pra dan pos. Para pelajar juga didapati berminat dengan setiap p&p yang dijalankan.

## **1.0 REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN LALU**

Selama lebih kurang 10 tahun mengajar subjek Pendidikan Seni Visual di SMK Majakir, saya telah mengenalpasti punca utama kegagalan pelajar dalam menguasai konsep warna dan menggambar adalah teknik mengajar yang kurang menekankan aplikasi dan mesra warna melalui persekitaran murid itu sendiri, tambahan pula dalam kalangan murid yang mempunyai latar belakang yang kurang motivasi membaca.

Sebelum saya menggunakan kaedah yang diberi nama "MESRA WARNA" saya dan guru lain telahpun mengajar tajuk warna di tingkatan 1,2 dan 3 secara teori dan amali, namun saya dapati bila naik ke tingkatan yang lebih tinggi, seolah-olah mereka belum pernah mempelajari tajuk warna. Malah, warna asas pun mereka tidak tahu, apatah lagi mencampur warna untuk menghasilkan karya yang berkualiti.

Dengan kaedah Mesra Warna, saya cuba membawa ingatan murid terhadap warna dalam bilik darjah dan di persekitaran sekolah pada setiap masa, di mana sahaja mereka berada.

## 2.0 ISU KEPRIHATINAN / FOKUS KAJIAN

Fokus kajian adalah untuk *meningkatkan daya ingatan murid terhadap konsep dan istilah warna* yang merupakan perkara asas dalam teori dan pengkaryaan seni visual.

Dengan kata lain, ingatan murid terhadap pembelajaran lalu mereka berlaku secara *ulangan dan kemesraan* melalui persekitaran mereka.

## 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

### 3.1- Objektif Am

Meningkatkan peratus kelulusan murid dalam penilaian Pendidikan Seni Visual kertas 1 (Teori Pendidikan Seni Visual) dan kertas 2 (Menggambar).

### 3.2- Objektif Khas

- a. Membantu murid mengingati istilah dan konsep warna dengan lebih mudah.
- b. Membantu murid memahami konsep warna dengan lebih tepat.
- c. Membantu murid merujuk konsep warna melalui persekitaran mereka.

## 4.0 KUMPULAN SASARAN

Tingkatan 5 Geografi di SMK Majakir, Papar yang terdiri daripada 34 orang murid.

## 5.0 KOS

BIL	PERKARA	RM
1	KERTAS LUKISAN (2 HELAI X 34 ORANG X 0.20SEN)	13.60
2	POWER POINT	ADA
3	PAPAN KAPUR	ADA
4	UJIAN PRA (1HELAI X 34 ORANG X 0.04SEN)	1.36
5	UJIAN POS 1&2 (1 HELAI X 34 ORANG X 0.04SEN)	1.36
6	WARNA POSTER (7 KOTAK X RM16.00)	112.00
7	BERUS LUKISAN (34 BATANG X RM 1.00)	34.00
8	CLEAR SPRAY (2 TIN X RM 7.50)	15.00
9	PLYWOOD (6MM X 2 KEPING X RM 48.00)	96.00
10	BELUTI (1"X2"X12") 3BATANG X RM 10.00	30.00
11	PAKU (1 1/2" X 1 KG X RM3.00)	3.00
12	CAT GLOSS (PUTIH,HITAM,KUNING,MERAH,BIRU 1LITER ) 5 LITER X RM8.00	40.00

13	TURPENTINE 2.5 LITER ( 1 TIN X RM 10.00)	10.00
14	BERUS CAT 1" (34 BATANG X RM2.00)	68.00
15	KERTAS A4 (5HELAI X 34 ORANG X 0.02SEN)	3.40
	<b>JUMLAH</b>	<b>427.72</b>

## 6.0 PELAKSANAAN KAJIAN

P&P menggunakan kaedah keratan gambar berwarna daripada majalah, akhbar atau risalah.

Dalam Ujian pra 1, murid dikehendaki membawa keratan gambar berwarna, menampal dan melabelkannya dalam kertas A4. Ia dijalankan bagi menguji daya ingatan murid terhadap konsep warna. Ujian pra 2 dijalankan dengan menjawab soalan struktur dan soalan objektif. Skrip soalan ditanda oleh guru dan tidak mendedahkan atau membincangkannya kepada pelajar.

### 6.1 Tinjauan Masalah:

a) Menggunakan ujian pra 1&2

Berdasarkan pemerhatian semasa P&P telah didapati bahawa pembelajaran tentang warna begitu susah untuk dikuasai dan diingati oleh murid. Ada segelintir kecil murid langsung tidak dapat mengingat, ataupun mengenal konsep atau istilah warna. Ujian Pra diberikan bagi mengetahui tahap pencapaian sebenar ingatan murid terhadap kosep warna dan hasilnya adalah sebagaimana yang tertulis dalam (6.2 Analisis Tinjauan Masalah).

b) Melalui sesi temubual dengan 5 orang pelajar dan menggunakan soalan terikat.

**(sebelum diperkenalkan kaedah Mesra Warna)**

Guru : P&P tentang istilah dan konsep warna?

P1 : Susah.

P2 : Susah.

P3 : Susah.

P4 : Susah.

P5 : Susah.

Guru : Macammana dengan kaedah pembelajaran warna di kelas sahaja yang dibuat sebelum ini? Membantu atau kurang membantu?

P1 : Kurang membantu.


- P2 : Kurang membantu.
- P3 : Kurang membantu.
- P4 : Kurang membantu.
- P5 : Kurang membantu.

## 6.2 Analisis Tinjauan Masalah

6.2.1 Pencapaian pelajar dalam ujian pra 1&2:

KEPUTUSAN (GRED)	JUMLAH PELAJAR
A (80 – 100)	0
B (65 – 79)	0
C (50 – 64)	6
D (40 -49)	5
E (00 – 39)	23

6.2.2 Graf pencapaian pelajar dalam ujian pra 1&2:



## 6.3 Tindakan yang dijalankan

6.3.1 Enam aktiviti P&P telah dirancang bagi menangani masalah di atas:

- i. Aktiviti "Ujian Pra 1&2".
- ii. Aktiviti " Memberi nota dan penerangan tentang konsep dan istilah warna".
- iii. Aktiviti "Melukis dan mewarna RODA WARNA".

- iv. Aktiviti “Melukis dan mewarna GUBAHAN WARNA SEWARNA”.
- v. Aktiviti “Pameran RODA WARNA dan GUBAHAN WARNA SEWARNA” dalam kelas.
- vi. Aktiviti “Ujian Pos 1&2”.

#### 6.3.2 BBM yang digunakan:

- a. Aktiviti 1 = Gambar-gambar berwarna dari majalah, akhbar dan risalah dan kertas ujian A4 (sehelai).
- b. Aktiviti 2 = Papan kapur.
- c. Aktiviti 3 = Power Point
- d. Aktiviti 4 = Power Point
- e. Aktiviti 5 = Lukisan Roda Warna dan Gubahan Warna Sewarna.
- f. Aktiviti 6 = Kertas ujian A4 (sehelai)

#### 6.3.3 Instrumen dan langkah-langkah pemerhatian.

- i. Aktiviti satu lebih menjurus kepada meninjau tahap kefahaman dan ingatan murid tentang konsep dan istilah warna. Instrumen yang digunakan adalah melabel gambar, menjawab soalan struktur dan soalan objektif.
- ii. Aktiviti dua, mendedahkan kepada murid tentang konsep dan istilah warna. Murid dikehendaki menyalin nota daripada papan kapur sambil membaca di dalam hati.
- iii. Aktiviti tiga, lebih menjurus kepada pengukuhan pengetahuan iaitu gerak kerja amali melukis dan mewarna RODA WARNA. Power Point, peralatan melukis dan mewarna diperlukan.
- iv. Aktiviti empat, lebih menjurus kepada pengukuhan pengetahuan iaitu gerak kerja amali melukis dan membuat GUBAHAN WARNA SEWARNA. Power Point, peralatan melukis dan mewarna diperlukan.
- v. Aktiviti lima, merupakan aktiviti pengukuhan ingatan melalui pameran dalam kelas. Instrumen yang digunakan adalah gambar-gambar yang telah dilukis dalam aktiviti tiga dan empat.

- vi. Aktiviti enam, pula merupakan penilaian kepada tahap pencapaian pelajar dalam menguasai konsep dan istilah warna serta daya ingatan mereka.

#### **6.4 Pelaksanaan Tindakan Dan Pemerhatian / Penilaian.**

##### 6.4.1 Pelaksanaan Aktiviti 1

Pelajar dinilai dari segi tahap kefahaman dan ingatan tentang konsep dan istilah warna (rujuk lampiran 2 dan 3: Kertas soalan WARNA)

##### i. Pemerhatian

Sebahagian besar murid tidak dapat menjawab soalan struktur kerana tidak mengingat istilah dan konsep warna. Bagi soalan objektif pula, murid hanya menjawab dengan meneka sahaja sedangkan sebenarnya mereka tidak ingat, tidak faham apa-apa konsep atau istilah warna yang sudahpun diajar semasa di tingkatan 1,2 dan 3 dahulu.

##### ii. Refleksi

Dapatan “tidak ingat” ini saya gunakan untuk membuat satu kaedah yang boleh membantu murid mengingat apa yang telah mereka pelajari.

##### 6.4.2 Pelaksanaan Aktiviti 2

Aktiviti dua ini lebih kepada pendedahan semula murid kepada istilah dan konsep warna. Guru memberi penerangan dan murid diminta menyalin sendiri nota daripada papan kapur sambil membaca dalam hati agar mereka mula mengingat apa yang telah diterangkan guru.

##### i. Pemerhatian

Apabila murid menyalin sendiri sambil membaca dalam hati, mereka akan berusaha untuk mengingat bahan yang diterangkan guru. Jika bahan diedarkan, murid (yang sememangnya tiada motivasi ini) akan membaca sambil lewa dan malas.

## ii. Refleksi

Semua murid menyalin nota dengan berhati-hati. Murid dapat mengingat serba sedikit istilah dan konsep yang telah diterangkan oleh guru.

### 6.4.3 Pelaksanaan Aktiviti 3

Aktiviti tiga ini adalah aktiviti pengukuhan untuk memantapkan konsep warna yang telah diajar. Mula-mula, guru akan membuat demonstrasi bagaimana melukis, mencampur warna dan mengaplikasi warna pada RODA WARNA. Murid dikehendaki membuat roda warna secara individu (rujuk lampiran 1).

#### i. Pemerhatian

Murid mudah mempelajari campuran warna dengan bimbingan dan tunjuk ajar guru. Guru mudah menyampaikan kaedah mencampur warna yang betul secara terus dan murid menanyakannya jika kurang faham.

#### ii. Refleksi

82.4% murid dapat mencampur warna dengan betul, mengaplikasikan warna dan menghasilkan roda warna dengan penuh minat. Sementara 17.6 % lagi masih boleh mencampur warna, namun hasil kerja kurang kemas dan kurang memuaskan.

### 6.4.4 Pelaksanaan Aktiviti 4

Aktiviti empat ini adalah aktiviti pengukuhan untuk memantapkan konsep warna yang telah diajar. Mula-mula, guru akan membuat demonstrasi bagaimana melukis, mencampur warna dan mengaplikasi warna pada GUBAHAN WARNA SEWARNA. Murid dikehendaki membuat Gubahan Warna Sewarna secara individu (rujuk lampiran 1).

#### i. Pemerhatian

Murid mudah mempelajari campuran warna dengan bimbingan dan tunjuk ajar guru. Guru mudah menyampaikan kaedah mencampur warna yang betul secara terus dan murid menanyakannya jika kurang faham.

## ii. Refleksi

100% murid dapat mencampur warna dengan betul untuk menghasilkan gubahan lukisan warna sewarna. Murid rasa seronok menyiapkan tugas mereka sambil bermain dengan warna.

### 6.4.5 Pelaksanaan Aktiviti 5

Aktiviti lima ini merupakan pameran RODA WARNA dan GUBAHAN WARNA SEWARNA yang telah dihasilkan sendiri oleh murid di kelas (mengikut perancangan awal juga di kawasan persekitaran sekolah). Pameran ini adalah untuk mengukuhkan daya ingatan murid terhadap semua aktiviti yang telah mereka buat sebelumnya (rujuk lampiran 4).

#### i. Pemerhatian

Murid rasa seronok apabila karya mereka dipamerkan kerana mereka rasa dihargai apabila nama mereka terpampang pada lukisan tersebut (perancangan awal, lukisan juga dibuat di atas plywood besar dan dipamer di sekitar kawasan sekolah).

#### ii. Refleksi

Pameran merupakan cara pembelajaran yang berkesan kerana murid melihat lebih mudah mengingat berbanding dengan kaedah mendengar. Hal ini telah dibuktikan oleh Kung Fu Tze, "Saya dengar-saya lupa, saya lihat-saya ingat, saya buat-saya faham".

### 6.4.6 Pelaksanaan Aktiviti 6

Aktiviti enam ini (ujian pos) adalah untuk menilai tahap penguasaan murid tentang istilah dan konsep melalui penggunaan kaedah Mesra Warna.

#### i. Pemerhatian

Murid mampu menjawab soalan-soalan struktur dan aneka pilihan dengan cepat. Sebahagian besar murid juga amat yakin dengan jawapan masing-masing tanpa ada perasaan gusar mahupun rungutan.


ii. Refleksi

Berikut adalah keputusan Ujian Pos 1 & 2:

Keputusan (gred)	Bilangan Pelajar	Peratus
A	6	17.6
B	10	29.4
C	8	23.6
D	7	20.6
E	3	8.8

Murid didapati gembira menjalankan ujian kerana mereka dapat mengingat istilah dan konsep warna yang dipelajari. Kaedah ini dapat menarik minat murid dan dapat mengikis tanggapan negatif bahawa sukar melukis dengan warna.

iii. Graf pencapaian murid dalam ujian pos 1&2:




**6.5 Refleksi Kajian**

6.5.1 Perbandingan antara keputusan ujian pra dengan ujian pos membuktikan keberkesanan kaedah Mesra Warna.

Keputusan (gred)	Ujian Pra 1&2 (pelajar)	Ujian Pos 1&2 (pelajar)
A	0	6
B	0	10
C	6	8
D	5	7
E	23	3

6.5.2  
Perbandingan graf

pencapaian murid dalam ujian pra 1&2 dengan ujian pos  
1&2:




Kaedah Mesra Warna ini pada hakikatnya amat membantu dalam meningkatkan penguasaan dan daya ingatan murid terhadap konsep warna yang menjadi nadi serta asas utama bagi mendapat markah cemerlang dalam teori dan karya.

6.5.3 Setelah murid menguasai konsep warna melalui kaedah Mesra Warna ini dengan baik, satu perubahan ketara yang berlaku terhadap penguasaan murid dalam aktiviti menggambar ( Pendidikan Seni Visual Kertas 2). P&P untuk menggambar dan mewarna semakin mudah dan digemari oleh murid. Murid juga berasa seronok dan tidak lagi takut-takut untuk mencampur warna seperti yang biasa berlaku sebelumnya.

6.5.4 Keputusan Borang kaji selidik kaedah Mesra Warna dari 10 orang murid(rujuk lampiran 5):

- Seramai 10 orang murid yang bertanggapan positif terhadap kaedah Mesra Warna dengan kadar 100%.
- Keseluruhannya, **tanggapan negatif** ialah 0%.
- Graf keputusan borang kaji selidik kaedah Mesra Warna secara keseluruhan adalah seperti di bawah:



6.5.5 Berikut adalah sesi temubual dengan 5 orang murid  
(selepas diperkenalkan kaedah Mesra Warna)

**Guru : P&P tentang mengingat konsep warna,susah atau senang?**

- P1 : Senang.
- P2 : Senang.
- P3 : Senang.
- P4 : Senang.
- P5 : Senang.

**Guru : Bagaimana dengan kaedah Mesra Warna yang telah saya ajar?  
Membantu awak mengingat atau tidak?**

- P1 : Membantu.
- P2 : Membantu.
- P3 : Membantu.
- P4 : Membantu.
- P5 : Membantu.

## 7.0 BENTUK KEJAYAAN.

### 7.1 Peningkatan Keberkesanan P&P

i. Dari sudut minat murid:

Dengan penggunaan kaedah Mesra Warna dalam p&p, ditambah pula dengan kombinasi pelbagai aktiviti seperti mewarna sambil bermain, murid begitu menunjukkan minat dan tidak mengantuk atau bosan lagi ketika mempelajari warna. Penglibatan murid dalam p&p juga adalah amat baik. Tumpuan murid dalam aktiviti p&p berada di tahap cemerlang sehingga adalah murid yang merasakan waktu p&p 4 masa adalah terlalu singkat.

ii. Dari sudut penguasaan murid:

Peningkatan akademik murid amat dirasai selepas pelaksanaan program ini. Sila lihat analisis perbandingan antara ujian pra dengan ujian pos 1&2.

iii. Dari sudut faedah kepada guru:

Kombinasi kaedah Mesra Warna dengan pelbagai aktiviti menjadikan guru mudah melaksanakan p&p dan mudah menarik minat murid. Objektif p&p yang disasar juga mudah terhasil. Guru boleh menggunakan BBM yang sedia di persekitaran kelas dan sekolah bila-bila masa tanpa perlu membawanya.

## **8.0 CADANGAN UNTUK KAJIAN SETERUSNYA**

Pendekatan p&p dengan menggunakan kaedah Mesra Warna ini boleh diterapkan ke dalam tajuk lain seperti garisan,jalinan,rupa,lukisan dan sebagainya. P&P akan lebih efektif dan menyeronokkan. Hasil kerja murid perlu dipamerkan dalam kelas dan persekitaran sekolah bagi mendapatkan kesan lebih cepat dan menyeluruh. Apa yang sangat menarik, persekitaran sekolah juga akan lebih ceria dan menjadi suasana pembelajaran yang berkesan.

## **BIBLIOGRAFI**

***Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan Ke-XIII 2006*** , (20 November-22 November 2006),Hotel Berjaya Palaca, Kota Kinabalu, Sabah.

Ruzitah Tapah dan Mazlan Othman,"***Teks Lengkap Pendidikan Seni Visual***" (2004) Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd. Selangor.

**\* Pembentang terbaik laporan Kajian Tindakan Sempena Hari Profesionalisme SMK Majakir, Papar pada 01 November 2008**